

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA KUALA LUMPUR  
DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR RAYUAN  
[SIVIL NO: WA-11ANCVC-129-11/2022]**

**ANTARA**

**KULDEEP SINGH KEHAR SINGH**  
(NO. K/P : 491028-10-5509)

**... PERAYU**

**DAN**

**INDAH WATER KONSORTIUM SDN BHD**  
(NO. SYARIKAT : 211763-P)

**... RESPONDEN**

**DAN**

**DALAM MAHKAMAH MAJISTRET DI KUALA LUMPUR  
GUAMAN NO.: WA-A72NCVC-4717-08/2021**

**ANTARA**

**INDAH WATER KONSORTIUM SDN BHD**  
(No. Syarikat.: 199101001452 [211763-P])

**... PLAINTIF**

**DAN**

**KULDEEP SINGH KEHAR SINGH**  
(No K/P: 491028-10-5509)

**... DEFENDAN**

**ALASAN PENGHAKIMAN**

**(LAMPIRAN 1)**

**PENGENALAN**

- [1] Pihak-pihak akan disebut sebagai Plaintiff (Respondent) dan Defendant (Perayu) dalam penghakiman ini.
- [2] Plaintiff telah memperolehi Penghakiman Ingkar Kehadiran bertarikh

12.10.2021 terhadap Defendan bagi tuntutan caj tertunggak perkhidmatan pembetungan berjumlah RM11,184.65 setakat 30.6.2021 beserta faedah dan kos.

## **HUJAHAN DEFENDAN**

- [3] Defendan telah memfailkan permohonan untuk mengenepikan penghakiman ingkar atas alasan seperti berikut:-
- i. Defendan tidak menerima serahan Writ dan Pernyataan Tuntutan.
  - ii. Premis pada waktu itu kosong dan tutup selepas ditinggalkan penyewa pada bulan Mei 2022 semasa serahan.
  - iii. Tuntutan Plaintiff adalah melebihi had masa 25 tahun iaitu dari 31.5.1997.

- [4] Defendan hanya menyedari kewujudan tindakan ini setelah dimaklumkan oleh Peguamcara Plaintiff melalui surat bertarikh 15.8.2022 yang diserahkan ke alamat Klinik Seri Bintang].

## **HUJAHAN PLAINTIF**

- [5] Defendan memfailkan permohonan mengenepikan Penghakiman Ingkar selepas 30 hari Penghakiman diserahkan kepada Defendan. Permohonan ini adalah diluar masa yang diperuntukkan Aturan 42 Kaedah 13 Kaedah Mahkamah 2012 ( KKM 2012 ).
- [6] Penghakiman adalah sah dan teratur. Plaintiff telah mengekhibitkan bukti bergambar serahan kertas kausa yang dibuat secara kediri kepada Defendan. Tangkap layer pesanan whatsapp menunjukkan Defendan mempunyai pengetahuan penuh akan tuntutan Plaintiff. [ekhibit NSM-5 Afidavit Jawapan Plaintiff]
- [7] Oleh kerana tuntutan Plaintiff adalah untuk akaun berturut '*running account*', maka tuntutan Plaintiff tidak terhalang oleh had masa.

- [8] Mengikut seksyen 86 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (AIPA 2006) memperuntukkan bahawa kadar dan caj ditetapkan boleh dituntut, dikutip dan di pegang simpan oleh pemegang lesen (Plaintif). Seksyen 88 AIPA 2006 memperuntukkan bahawa Plaintiff boleh menuntut tunggakan daripada Defendan .

## DAPATAN MAHKAMAH

- [9] Mahkamah mendapati pembelaan Defendan tiada merit. Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan telah diserahkan terhadap Defendan secara kediri adalah secara teratur. Ekshibit NSM 1 Afidavit Jawapan Plaintiff menunjukkan gambar Defendan sedang membaca Writ tersebut. Defendan juga tidak menafikan itu gambarnya.
- [10] Tujuan melaksanakan servis writ secara kediri adalah bertujuan untuk memberi notis kepada Defendan. Gambar-gambar menunjukkan Defendan membaca Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan adalah memadai. [ rujukan kes *Dato Tan Chin Who v Dato Haji Zulkarnain Bin Dato Sheikh Ahmad Yang Diperyua Council Of Justice Of The Peace State Of Negeri Sembilan [2004] MLJU 6* ] dan [A.62 k.3 KKM 2012]. Adalah jelas Defendan mempunyai pengetahuan terhadap tuntutan tersebut.
- [11] Mahkamah juga merujuk ekshibit NSM-5 Afidavit Jawapan Plaintiff yang menunjukkan Defendan menyatakan ingin menyelesaikan tuntutan yang dibuat oleh Plaintiff. Tiada mana-mana bahagian menunjukkan Defendan mempertikaikan amaun yang dituntut.
- [12] Tuntutan Plaintiff adalah tuntutan statutori dan tidak dihalang oleh had masa dan dibawah Perintah Perkhidmatan Pembentungan (Pemberiankuasa Kutipan Caj) 1994 dan seksyen 86 dan seksyen 88 AIPA 2006 Responden diberikan kuasa untuk mengutip jumlah tunggakan daripada Defendan. Had masa juga tidak terpakai kepada tuntutan berterusan (*recurring claims*).
- [13] Defendan memfailkan permohonan mengenepikan Penghakiman

Ingkar selepas 30 hari Penghakiman diserahkan kepadanya. Penghakiman Ingkar diperolehi pada 12.10.2021 dan Permohonan mengenepikan dibuat pada 14.9.2022. Tempoh ini adalah diluar masa yang diperuntukkan dibawah Aturan 42 k. 13 KKM 2012. Mahkamah mendapati atas alasan ini sahaja Permohonan Defendan patut ditolak.

- [14] Berkaitan bantahan Defendan terhadap Afidavit Tambahan Plaintiff bertarikh 25.10.2022, Mahkamah berpandangan isu ini tidak menjejas dapatan Puan Majistret.

## KESIMPULAN

- [15] Berdasarkan alasan di atas tiada keperluan untuk Mahkamah ini mengubah keputusan yang diberikan oleh Puan Majistret pada 12.10.2021. Oleh itu, Rayuan Defendan ditolak dengan kos.

**(LATIFAH HAJI MOHD TAHAR)**

Hakim

Mahkamah Tinggi NCVC 1  
Mahkamah Kuala Lumpur.

**Bertarikh:** 3 OKTOBER2023

### **Kaunsel:**

*Bagi pihak perayu - Manjit Singh Akkam Singh; T/n Firdaus Shanti Bhupin*

*Bagi pihak responden - Tengku Mohd Hazwanhisyam T Zulkarnaini; T/n Arifin & Partners*

### **Perundangan yang dirujuk:**

Kaedah Kaedah Mahkamah 2012, Aturan 42 k. 13

Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, s. 86 & 88